

15/08/1997

3,000 hadir konvensyen Umno Sabah

KOTA KINABALU, Khamis - Lebih 3,000 perwakilan dan pemerhati dari seluruh Sabah dijangka menghadiri konvensyen Umno Sabah selama tiga hari mulai Ahad ini yang akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Konvensyen itu bertemakan Ke Arah Penghayatan Budaya Umno dan yang terbesar pernah diadakan di negeri ini.

Daripada jumlah yang dijangka hadir itu, 1,300 adalah perwakilan dari 48 bahagian seluruh negeri dan wakil Pergerakan Pemuda dan Wanita serta pemimpin masyarakat setempat.

Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Karim Ghani, berkata persediaan menjayakan konvensyen itu sudah siap diatur dan empat usul mengenai ekonomi, pembangunan, pendidikan dan agama akan dibincangkan.

"Kita akan memberi peluang kepada sebanyak mungkin perwakilan mengambil bahagian dalam perbahasan, justeru kita memberi masa selama 15 minit kepada setiap orang dalam perbahasan," katanya.

Bercakap pada sidang akhbar di sini hari ini, beliau berkata, semua parti komponen Barisan Nasional (BN) turut diundang menghadiri acara perasmian konvensyen berkenaan.

Mengenai tema, Karim berkata, ia dipilih selaras usaha memupuk dan menyemai budaya Umno ke dalam masyarakat di negeri ini.

(END)